

04/12/1998

Y2K: Malaysia mungkin minta bantuan Bank Dunia

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan sedang dalam perbincangan bagi mendapatkan bantuan kewangan Bank Dunia untuk membantu syarikat Malaysia mengatasi masalah pepijat alaf (Y2K) menjelang tahun 2000.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie, berkata bantuan kewangan daripada Bank Dunia itu adalah sebagai tambahan kepada peruntukan RM100 juta yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 1999 baru-baru ini.

Beliau berkata, bantuan kewangan tambahan itu perlu kerana peruntukan yang ada tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah Y2K yang bakal melanda seluruh dunia tidak lama lagi.

Menurutnya, peruntukan tambahan itu juga bertujuan menubuhkan Sekretariat Y2K bagi memantau masalah Y2K serta mencari penyelesaian terhadap masalah itu.

"Sokongan peruntukan Bank Dunia itu juga membolehkan bantuan kewangan diberikan kepada syarikat swasta, khususnya Industri Kecil dan Sederhana bagi melaksanakan penyelidikan terhadap Y2K serta menghasilkan penemuan terbaru yang berupaya mengatasi masalah itu."

"Bagaimanapun, saya tidak dapat menyatakan jumlah sebenar peruntukan tambahan yang dipohon kerana ia masih di peringkat perbincangan," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara NetCard Corporation Berhad dan Sirim Berhad di Auditorium 1, Bangunan Sirim, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Sirim Berhad, Tan Seri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Presiden Sirim Berhad, Dr Mohd Ariffin Aton dan Pengarah Urusan NetCard Corporation Berhad.

Melalui perjanjian itu, NetCard Corporation dan Sirim akan bekerjasama mengadakan projek penyelidikan bagi membangunkan kios elektronik multimedia bersepadu untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Kios NetCard-Sirim dijangka siap untuk dipasarkan menjelang pertengahan tahun depan yang menawarkan perkhidmatan maklumat (Direktori Maklumat Online), perkhidmatan komunikasi (sewa e-mail, telefon dan video) serta perkhidmatan transaksi (pembayaran bil, tiket dan cukai jalan).

Ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kadar bayaran serata bagi panggilan tempatan kepada pengguna, Leo berkata, buat masa ini kerajaan tidak bercadang berbuat demikian walaupun langkah itu mendapat sambutan menggalakkan bagi sesetengah pengguna.

"Saya fikir tidak ada mana-mana syarikat telefon di Malaysia malah di dunia yang mahu melaksanakan kadar bayaran serata kerana pemanggil akan menggunakan talian telefon sesuka hati tanpa mengira tempoh masa."

"Situasi ini boleh menyebabkan masalah kesesakan terhadap rangkaian telefon di negara ini yang akan merugikan banyak pihak," katanya.

Terdahulu, Leo berkata, negara memerlukan lebih banyak syarikat yang inovatif untuk merebut pelbagai peluang dalam menyediakan perkhidmatan baru berikutan perkembangan pesat sektor komputer, telekomunikasi dan penyiaran.

"Kita perlu bergerak pantas untuk merebut peluang itu dalam era yang semakin mencabar ini selaras dengan langkah kerajaan menubuhkan kementerian ini yang bertujuan memastikan persaingan yang sihat dan peningkatan dalam industri multimedia serta komunikasi," katanya.

(END)